

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 24 JANUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	TIADA KOMPROMI DALAM ISU SALAH LAKU, RASUAH -SALAHUDDIN, BERNAMA -ONLINE TIADA KOMPROMI DALAM ISU SALAH LAKU, RASUAH -SALAHUDDIN, ASTRO AWANI - ONLINE AGRICULTURE MINISTER: MINISTRY WILL HOLD EMERGENCY MEETING WITH MOF TO DISCUSS SUBSIDISED, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4. 5. 6. 7. 8.	PHAHROLRAZI DILANTIK PENERUSI NAFAS, RANGKUMAN, HM -22 PHAHROLRAZI DILANTIK PENERUSI BAHARU NAFAS, NEGARA, KOSMO -17 LANTIKAN POLITIK TERAJUI NAFAS, INI JAWAB MENTERI, ASTRO AWANI -ONLINE NAFAS DISTRUKTUR SEMULA, SENTRAL, SINAR HARIAN -21 PHAHROLRAZI APPOINTED AS NAFAS CHAIRMAN, NATION, SIN CHEW DAILY -14	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
9. 10. 11. 12. 13.	2,200 PEKEBUN SAYUR, BUNGA TERJEJAS AKIBAT SST, DALAM NEGERI, UM -7 PEMROFILAN TANAH SEBELUM TANAM PADI BAHARU, DASAR & PENTADBIRAN, BH -5 PESAWAH DAKWA RUGI BESAR, SABAK BERNAM, SH -23 WONG: LOOK INTO AP FOR VEGETABLES, NATION, THE STAR -12 ABUSE OF PERMITS FOR IMPORT RESULTED IN OVER SUPPLY OF CABBAGES, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A10	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
14.	NELAYAN TANGKAP GAMAT DITAHAN, NEGARA, KOSMO -15	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
15. 16.	PUTAR CERITA LAMA, SETEMPAT, HM -10 PROSEDUR KETAT SEBELUM BERI IZIN MASUK, SETEMPAT, HM -10	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
17.	BERI RAWATAN SESUAI ELAK BUAH CEPAT ROSAK, SETEMPAT, HM -10	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
18. 19. 20. 21. 22. 23.	NELAYAN TUNTUT BANTUAN SARA HIDUP, DALAM NEGERI, UM -10 PETANI TEMPATAN TERTEKAN, DALAM NEGERI, UM -5 MENANGGUNG KEPERITAN TIDAK BERPENGHUJUNG, DALAM NEGERI, UM -5 KEHIDUPAN TIDAK BERUBAH, KOS PERTANIAN MENINGKAT, DALAM NEGERI, UM -5 HARD WORK, EVENTS, STAR -12 FARMERS LIVING IN UNCERTAINTY, NATION, THE STAR -21	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAN (NEKMAT)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	BERNAMA	ONLINE	

Tiada kompromi dalam isu salah laku, rasuah - Salahuddin

PORT DICKSON, 23 Jan (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai yang terbabit melakukan salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah dalam kementerian berkenaan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub menegaskan mereka yang terbabit tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang dan mereka yang menunjukkan prestasi kerja yang baik, amanah dan bertanggungjawab akan diberi peluang untuk dinaikkan pangkat.

“Apabila tiada penyelewengan dan salah guna kuasa, peruntukan digunakan dengan cermat dan telus barulah kita akan mencapai urus tadbir yang baik,” katanya dalam sidang media selepas merasmikan Persidangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 2019 di sini, malam ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

Tiada kompromi dalam isu salah laku, rasuah - Salahuddin



SALAHUDDIN: Apabila tiada penyelewengan dan salah guna kuasa, peruntukan digunakan dengan cermat dan telus barulah kita akan mencapai urus tadbir yang baik

PORT DICKSON: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai yang terbabit melakukan salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah dalam kementerian berkenaan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub menegaskan mereka yang terbabit tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang dan mereka yang menunjukkan prestasi kerja yang baik, amanah dan bertanggungjawab akan diberi peluang untuk dinaikkan pangkat.

"Apabila tiada penyelewengan dan salah guna kuasa, peruntukan digunakan dengan cermat dan telus barulah kita

akan mencapai urus tadbir yang baik," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Persidangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 2019 di sini, malam Rabu.

Terdahulu, Salahuddin berkata persidangan tiga hari yang dihadiri 350 warga FAMA itu merupakan platform terbaik untuk merangka sasaran, melaksanakan pendekatan baharu serta merangka perancangan strategik untuk meningkatkan pendapatan warga tani.

Hadir sama Pengerusi FAMA, Ishak Ismail dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak.

-- BERNAMA

Headline	Agriculture Minister: Ministry will hold emergency meeting with MoF to discuss subsidised		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	24 Jan 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	781 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,824
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,472



农长：关注渔民“无油”出海

急晤财政部商补贴柴油

(八打灵再也 23 日讯) 农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁强调，该部将关注国内渔民每月补贴柴油供应量大幅度削减的课题，并会尽速与财政部展开讨论。

他指出，补贴柴油的政策是由财政部决定，惟他将尽快与财政部讨论此事，包括厘清为何该部会在农历新年莅临期间，推行减少补贴柴油供应量的政策。

沙拉胡丁今日在记者会公布全国农民组织董事会新领导阵容后，针对上述课题这么回应。

600 渔船无油出海

大马渔业总会会长谢添禧昨日指农历新年将届，渔业发展局却将渔民每月的补贴柴油供应量大幅削减 288 万公升，单是霹靂州半港就减少了 166 万公升，估计会有逾 600 艘渔船面临柴油荒，无法出海捕鱼。

他联同下霹雳渔民合作、半港海产公会及大港海产公会领袖召开记者会表示，当局没说明为何突然削减供应量，但此举势必打击渔民，造成许多渔船缺油而停驶。

他指该会将致函农长及渔业发展局总监要求关注，并与渔民领袖讨论问题。

他今日在公布全国农民组织董事会新领导阵容后，针对为何阵容包括多名政治领袖的提问时，这么回应。

部门管辖机构可政治委任 慎查人选专业背景

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，内阁早前的决议只是禁止官联企业的政治委任，部门管辖的机构则不在此限。

他强调，他在委任政治领袖担任政府机构职务前，都会谨慎审查有关人选的专业背景，包括是否具备良好记录及

是否符合资格。

沙拉胡丁也是国家诚信党署理主席。他说：“我不会因为你是诚信党、人民公正党或希盟成员党的党员，就选择给予委任，此外，如果有关人选存在廉正问题，我及农业部都不会妥协。”

他今日在公布全国农民



沙拉胡丁关注国内渔民每月补贴柴油供应量大幅度削减的课题。右为巴拉拉兹。

组织董事会新领导阵容后，针对为何阵容包括多名政治领袖的提问时，这么回应。

没时间评估他党人选

询及为何全国农民组织董事会的成员大多数来自诚信党，沙拉胡丁坦承，他没有足够时间评估来自其他政党的人选。

“如果我们委任其他政党的人选，我们没有时间审查个人档案及阅读有关人选的其他成就，所以我们就遴选我们拥有的专才。”

全国农民组织的新董事会成员包括主席拿督巴拉拉兹（吉打州诚信党副主席）、董事旺卡丽扎（玻璃士诚信党主席）、希沙慕丁（诚信党阿邦博特拉州议员）、沙益佐尼（诚信党马哥打区州议员）及耶谷沙巴里（公正党上议员）等。

全国农民组织在去年因为领导和管理方面存在能力、问责和透明度等严重问题，遭到社团注册局起指示自 6 月 1 日起暂停运作。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	HARIAN METRO	RANGKUMAN	22

Phahrolrazi dilantik Pengerusi NAFAS

Petaling Jaya: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Mengkudu, Datuk Ir Phahrolrazi Mohd Zawawi, 66, dilantik sebagai Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang baharu berkuat kuasa, semalam.

Phahrolrazi yang juga Timbalan Pengerusi Parti Amanah Negara (AMANAH) Kedah adalah bekas Pengerusi Jawatankuasa Peruma-

han dan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya, Pembangunan Luar Bandar dan Membasmi Kemiskinan Kedah yang berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran, penyelidikan serta perakaunan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Saahuddin Ayub berkata, pelantikan barisan kepimpinan pengurusan yang baru itu selepas tamat tempoh penggantungan perlembagaan pada 15 Januari lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	KOSMO	NEGARA	17

Phahrolrazi dilantik Pengerusi baharu Nafas

PETALING JAYA – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Mengkudu, Datuk Ir. Phahrolrazi Mohd. Zawawi, 66, dilantik sebagai Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang baharu berkuat kuasa semalam.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pengurusan Nafas telah distruktur semula bagi memastikan peranannya sebagai induk Pertubuhan Peladang dapat dilaksanakan dengan lebih efisien selepas tamat tempoh pengantungannya selama enam bulan.

“Kerajaan bersikap proaktif dan positif terhadap Nafas bagi memastikan ia kembali kepada fungsi asal iaitu memajukan

kepentingan ekonomi, sosial dan kebajikan ahlinya.

“Diharapkan dengan pemilihan saf kepimpinan baharu ini dapat melahirkan lebih ramai pemimpin berintegriti bagi menjamin keperluan golongan sasar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pengumuman Pelantikan Pengerusi serta barisan Ahli Jemaah Pengarahnya yang baharu di Ibu Pejabat Nafas di Kota Damansara di sini semalam.

Pada majlis itu, turut diumumkan pelantikan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) pertubuhan yang baharu iaitu Pengerusi Parti Amanah (Amanah) Perlis, Wan Kharizal Wan Khazim; ADUN Apam Putra, Mohd. Hisyamuddin

Ghazali; ahli perniagaan Normah Yusof; Senator Dr. Yaakob Sapari dan Ketua Amanah Simpang Renggam, Muhamad Said Jonit yang merupakan lima senarai lantikan menteri.

Lima lagi AJP ialah Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kelantan, Datuk Abdul Aziz Derashid; PPN Selangor, Datuk Ahmad Bhari Abd. Rahman; PPN Perlis, Datuk Tengku Aziz Tengku Jaafar; Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Merlimau, Melaka, Abdul Kalam Hassan dan AJP PPN Kedah, Ishak Taib.

Mengulas lanjut mengenai pelantikan barisan jemaah Nafas baharu yang majoritinya terdiri daripada ahli politik Parti Amanah, beliau menegaskan dirinya sangat teliti dan memilih mereka yang benar-benar layak, kompeten serta berpengalaman.

“Saya tidak akan sama sekali



SALAHUDDIN berjabat tangan dengan Phahrolrazi (kanan) pada majlis pelantikan Pengerusi dan Ahli Jemaah Pengarah Baharu Nafas di pejabat pertubuhan berkenaan di Taman Sains Selangor, Kota Damansara semalam.

berkompromi dengan mana-mana pihak termasuk juga lantikan-lantikan daripada mana-mana parti termasuklah Amanah sendiri.

“Sekiranya mereka melaku-

kan penyelewengan, salah guna kuasa dengan lafaz ikrar tadi (semalam) di bawah Akta Nafas, mereka boleh dibuang ataupun dikosongkan kerusi mereka pada bila-bila masa,” ujarnya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

Lantikan politik terajui NAFAS, ini jawab Menteri



Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub (kiri) menyaksikan Datuk Dr Ir. Phahrolrazi Mohd Zawawi (kanan) membaca lafaz ikrar selepas dilantik sebagai Pengerusi AJP NAFAS yang baharu. – fotoBERNAMA

PETALING JAYA: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) mengumumkan pelantikan pengurusan yang baharu setelah tamat tempoh penggantungan perlembagaan yang berkuat kuasa 15 Januari lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata sepanjang tempoh enam bulan penggantungan, pengurusan Nafas telah distruktur semula.

Jelasnya, ia bagi memastikan peranan NAFAS sebagai induk pertubuhan peladang dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

"Kerajaan bersikap positif dan proaktif terhadap NAFAS bagi memastikan ia kembali kepada fungsi asal iaitu memajukan kepentingan ekonomi, sosial dan kebajikan ahlinya.

"Adalah diharap dengan saf kepimpinan baharu ini dapat melahirkan lebih ramai pemimpin berintegriti bagi menjamin keperluan golongan sasaran," katanya pada sidang media di ibu pejabat NAFAS, di sini hari ini.

Beliau sebelum itu menyampaikan amanat kepada Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Nafas selain menyaksikan upacara menandatangani surat aku janji serta bacaan ikrar aku janji oleh kesemua AJP.

Pada majlis itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Mengkudu yang juga Timbalan Pengerusi Parti Amanah Negara (Amanah) Kedah, Datuk Ir. Phahrolrazi Mohd Zawawi diumumkan sebagai Pengerusi AJP NAFAS yang baharu.

Mengulas berkenaan lantikan beberapa individu yang berlatar belakang politik, Salahuddin berkata beliau memilih mereka yang benar-benar layak selain mengambil masa yang panjang untuk meneliti profil masing-masing.

"Kelayakan adalah yang paling utama sekali. Jadi keutamaan kita adalah kelayakan dan kebolehan selain kita melihat rekod pencapaian mereka sama ada pernah dalam kerajaan atau parti dahulu atau pengalaman korporat mereka.

"Mengambil kira semua ini, maka yang dilantik ini adalah bagi pandangan kementerian yang benar-benar ada kelayakan.

"Itu pun tertakluk bukan hanya sejauh mana bagus sijil dan pengalaman mereka, namun apabila mereka mula cenderung atau mempunyai isu integriti, saya dan kementerian tidak akan berkompromi langsung dalam perkara ini," tegasnya.

Daripada lima AJP NAFAS lantikan menteri, tiga daripadanya adalah daripada AMANAH dan seorang daripada PKR.

Mereka ialah Pengerusi Amanah Perlis, Wan Kharizal Wan Khazim; ADUN Apam Putra, Mohd Hisyamuddin Ghazali; ADUN Mahkota yang juga Ketua AMANAH Simpang Renggam, Muhamad Said Jonit; Ahli Dewan Negara yang juga Ketua Cabang PKR Shah Alam, Dr Yaakob Sapari dan Normah Yusof.

Lima lagi AJP yang merupakan calon simpanan daripada pemilihan AJP Nafas 2016 ialah Datuk Abdul Aziz Derashid, Datuk Ahmad Bhari Abd Rahman, Datuk Tengku Aziz Tengku Jaafar, Abdul Kalam Hassan dan Ishak Taib.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	21

Nafas distruktur semula

Phahrol Razi dilantik Pengerusi AJP Nafas yang baharu

ASYRAF MUHAMMAD

PETALING JAYA

Timbangan Pengerusi Amanah, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, 66, dilantik sebagai Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang baharu berkuat kuasa, semalam.

Pengumuman tersebut dibuat dalam satu majlis yang turut dihadiri oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Menurut Sallehuddin, pelantikan barisan kepimpinan pengurusan yang baharu itu dibuat setelah tempoh penggantian Perlembagaan Nafas tamat pada 15 Januari lalu.

"Dalam tempoh penggantian



FOTO: BERNAMA

Salahuddin (tujuh, kiri) bergambar kenangan bersama Ahli Jemaah Pengarah Nafas selepas Majlis Menandatangani Surat Aku Janji Ahli Jemaah Pengarah Nafas, semalam. Dr Ir. Phahrolrazi Mohd Zawawi (enam, kanan).

selama enam bulan, pengurusan Nafas telah distruktur semula bagi memastikan peranannya sebagai induk Pertubuhan Peladang dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

"Kerajaan bersikap proaktif dan positif terhadap Nafas bagi memastikan ia kembali kepada fungsi asal bagi memajukan kepentingan ekonomi, sosial dan kebajikan ahlinya," katanya ketika sidang media, semalam.

Difahamkan, majlis berkenaan

turut mengumumkan lima AJP Nafas lantikan menteri di mana tiga daripadanya merupakan pemimpin Parti Amanah dan PKR.

Mereka yang dipilih adalah Pengerusi Amanah Perlis, Wan Kharizal Wan Khazim; Adun Apam Putra, Mohd Hisyamuddin Ghazali; Adun Mahkota, Muhamad Said Jonit; Ketua Cabang PKR Shah Alam, Dr Yakob Sapari dan Normah Yusof.

Selain itu, lima AJP yang juga calon simpanan daripada pemilihan

AJP Nafas 2016 turut diumumkan terdiri daripada Pemangku Ketua Umno Jeli, Datuk Abdul Aziz Derashid; Bekas Ketua Umno Selayang, Datuk Ahmad Bhari Abd Rahman; Datuk Tengku Aziz Tengku Jaafar; Abdul Kalam Hassan dan Ishak Taib.

Dengan pelantikan saf kepimpinan baharu itu, Salahuddin, berkata ia akan melahirkan pemimpin berintegriti bagi menjamin keperluan golongan sasar.

Headline	Phahrolrazi appointed as NAFAS chairman		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	24 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	294,476
Page No	14	Readership	883,428
Language	Chinese	ArticleSize	110 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,459
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,377



國家農民組織公布新管理層 巴羅拉茲受委主席

(八打灵再也23日讯) 国家农民组织 (NAFAS) 在1月15日恢复运作后, 今日公布新届管理层, 诚信党亚罗孟古都州议员拿督巴罗拉兹受委为国家农民组织董事部新任主席。

巴罗拉兹也是吉打州诚信党副主席。5名受委董事当中, 其中3人来自诚信党, 一人来自公正党, 他们是玻璃市诚信党主席旺凯鲁、阿邦布特拉州议员莫哈末希山慕

丁、马哥打区州议员兼诚信党新邦令今区部主席拿督莫哈末嘉益士、国会上议员兼公正党沙亚南区部主席雅谷以及诺玛尤索夫。

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁早前表示, 由于该组织最高领导层涉嫌管理不当及弊漏问题, 当局已决定从去年6月1日起, 冻结国家农民组织的运作。

确保扮演更有效角色

沙拉胡丁今日在该组织总部召开新闻发布会表示, 在6个月冻结运作期间, 目前该组织已重新重组。

他解释, 这是为了确保该组织扮演更有效的角色。

沙拉胡丁解释, 他委任数名有政治背景人士, 是经过长时间了解他们的个人背景, 认为他们是真正符合资格。

“资格是最重要的。我们除了看他们的成就记录, 无论他们是在政府或过去的政党或他们的企业经验, 也看他们的资格和能力。”

“若他们开始有诚信问题, 我和部门是不会妥协。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

2,200 pekebun sayur, bunga terjejas akibat SST

CAMERON HIGHLANDS 23 Jan. - Kira-kira 2,200 pekebun sayur dan bunga di sini didakwa terjejas kerana terpaksa menanggung kos berlebihan akibat pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST), sejak 1 September lalu.

Calon Bebas, Wong Seng Yee mendakwa, keadaan itu disebabkan kos pembungkusan produk seperti kotak tidak boleh dibuat tuntutan berbanding di bawah sistem cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

Katanya, keadaan tersebut membebankan golongan pekebun yang juga terpaksa berhadapan dengan penurunan harga sayur-sayuran sejak lapan bulan lalu.

"Semasa GST, mana-mana

pekebun yang ada mendaftar perniagaan mereka boleh membuat tuntutan untuk alat pembungkusan produk namun setelah SST diperkenalkan, mereka tidak boleh lagi membuat tuntutan semula.

"Keadaan ini sememangnya membebankan pekebun di sini kerana mereka terpaksa menanggung kos tambahan lain," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut beliau, pekebun di Cameron Highlands mengalami penurunan harga sayur-sayuran sejak lapan bulan lalu yang berpunca daripada permintaan rendah dalam kalangan pengguna.

Katanya, sebagai contoh, harga sayur kubis dari ladang

hanya sekitar 50 sen sekilogram berbanding harga yang boleh menjana keuntungan bagi mereka iaitu RM1 dan ke atas.

"Hanya pada bulan November, Disember dan Januari sahaja harga sayur-sayuran ini berada pada tahap yang memuaskan. Bulan-bulan lain, pekebun terpaksa menanggung rugi.

"Antara sebab penurunan harga sayur ini adalah kerana permintaan yang rendah selain terdapat aduan daripada pekebun yang mengatakan terdapat banyak sayur kubis yang diimport dari negara luar dan ini menyebabkan lambakan seterusnya menjadi punca kejatuhan harga," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	BERITA HARIAN	DASAR & PENTADBIRAN	5

Pemprofilan tanah sebelum tanam padi baharu

➔ Pelaksanaan mampu tingkat pengeluaran, kesuburan sawah

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@nstp.com.my

■ Petaling Jaya

Jabatan Pertanian dan beberapa agensi berkaitan akan membuat *profiling* tanah, sebelum padi baharu ditanam sepanjang tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pemprofilan tanah itu perlu bagi meningkatkan semula ke-

suburan tanah sawah padi, sekali gus meningkatkan pengeluaran hasil tanaman itu.

Baja kimia jejas kesuburan tanah

Katanya, kesuburan tanah sawah padi terjejas disebabkan penggunaan baja kimia berlebihan atau dalam jangka masa panjang, yang boleh menyebabkan kerosakan pada tanah.

“Teknologi memerlukan tanah melalui proses *soil profiling*, serta digembur dan distruktur semula (untuk meningkatkan kembali kesuburan tanah).

“Sebelum membuka sawah, Jabatan Pertanian dan agensi berkaitan akan buat *profiling* bagi pastikan tanah disuburkan kembali, untuk meningkatkan pengeluaran padi.



[FOTO ASWADI ALIAS /BH]

Salahuddin (empat dari kiri) bersalam dengan Phahrolrazi selepas pengumuman Ahli Jemaah Pengarah NAFAS yang baharu di Petaling Jaya, semalam.

“Pemilihan baja yang sesuai juga penting bagi penanaman padi, kerana bukan semua baja sesuai untuk semua jenis tanah.

“Konsepnya ialah kamu tak boleh beri panadol untuk semua jenis penyakit,” katanya pada sidang media pengumuman Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang baharu di sini, semalam.

Kelmarin, Salahuddin berkata, kementeriannya akan meningkatkan penggunaan teknologi dengan membuat *profiling* dan menggunakan baja yang sesuai, bagi meningkatkan pengeluaran beras tempatan kepada 75 peratus dalam masa beberapa tahun lagi, berbanding 70 peratus ketika ini.

BH sebelum ini melaporkan negara hanya mampu mengeluarkan dua juta tan beras sahaja, ma-

nakala satu juta tan terpaksa bergantung kepada beras import.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, kementerian itu sudah mula membuat *soil profiling* bagi sawah di seluruh negara sejak beberapa tahun lalu, namun ia diberikan fokus sejak tahun lalu.

Sementara itu, Salahuddin juga mengumumkan Timbalan Pengerusi Parti Amanah Negara (AMANAH) Kedah, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, sebagai Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) NAFAS yang baharu, berkuat kuasa semalam.

Pelantikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Mengkudu itu, diumumkan selepas tempoh pengantungan perlembagaan NAFAS tamat pada 15 Januari lalu.

Yang turut diumumkan adalah

lima AJP NAFAS lantikan menteri, dengan tiga daripadanya adalah daripada AMANAH dan seorang daripada PKR.

Mereka ialah Pengerusi AMANAH Perlis, Wan Kharizal Wan Khazim; ADUN Apam Putra, Mohd Hisyamuddin Ghazali; ADUN Mahkota yang juga Ketua AMANAH Simpang Renggam, Muhamad Said Jonit; Ahli Dewan Negara yang juga Ketua Cabang PKR Shah Alam, Dr Yaakob Sapari dan Normah Yusof.

Salahuddin turut mengumumkan lima lagi AJP yang juga calon simpanan daripada pemilihan AJP NAFAS 2016, iaitu Pemangku Ketua UMNO Jeli, Datuk Abdul Aziz Derashid; Bekas Ketua UMNO Selayang, Datuk Ahmad Bhari Abd Rahman; Datuk Tengku Aziz Tengku Jaafar; Abdul Kalam Hassan dan Ishak Taib.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	SINAR HARIAN	SABAK BERNAM	23

15 HUBUNGI OKLAH SABAK BERNAM: MOHD IZZATUL IZUAN - 019-2650821 / 019 6680275



Sebahagian pesawah menunjukkan kawasan tanaman padi yang diserang BPB pada musim tuaian kali ini.

Pesawah dakwa rugi besar



Padi yang diserang wabak BPB.

Hasil pengeluaran merosot akibat wabak BPB

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SABAK BERNAM

Rata-rata pesawah di sekitar kawasan pengairan Parit 6 di sini, berdepan kerugian besar apabila tanaman padi mereka diserang penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB).

Ketua Blok Parit 5, Johari Unit, 60, berkata, tanaman padi diusahakannya seluas 6.3 hektar itu mengalami kemerosotan hasil pada musim tuaian kali ini.

Menurutnya, keadaan itu berpunca akibat serangan penyakit itu yang pertama kali melanda tanaman

padi di kawasan itu. "BPB ini menyebabkan daun dan tangkai pokok padi rosak, terdapat kesan warna bintik perang dan buah padi terencat," katanya kepada Sinar Harian.

Johari berkata, dia berdepan kerugian teruk berbanding pada musim sebelumnya.

"Serangan BPB menyebabkan saya hanya memperoleh purata pengeluaran hasil enam tan metrik.

"Kalau tak ada serangan penyakit, hasil pengeluaran lebih tinggi sekitar purata tujuh hingga lapan tan metrik.

"Malah, ada pesawah lain mengadu mereka hanya mampu mengeluarkan hasil satu tan metrik sahaja," katanya.

Menurutnya, keadaan itu tentunya memberi tekanan kepada pesawah terutama bagi mereka yang bergantung harap kepada punca pendapatan itu bagi menyara keluarga.

info

Daun dan tangkai pokok padi rosak, terdapat kesan warna bintik perang serta buah padi terencat

Katanya, meskipun harga belian padi pada musim ini naik daripada RM1, 200 kepada RM1, 310, namun keadaan itu tidak membantu pesawah yang berdepan serangan BPB.

"Dulu harga belian padi rendah, tapi bila harga dah naik, padi pula diancam penyakit menyebabkan pengeluaran merosot," katanya.

Napiah Idris, 59, berkata, pesawah merayu agar kerajaan membela nasib pesawah yang mengalami kerugian akibat BPB.

Menurutnya, pesawah pada musim tanaman sebelumnya yang ber-

depan dengan kerugian akibat serangan penyakit sentiasa mendapat pembelaan sewajarnya.

"Semasa pentadbiran kerajaan BN, nasib pesawah sentiasa terbelas dan kita berharap kerajaan PH ambil perhatian serius dan membantu menangani masalah ini," katanya.

Napiah berkata, tanaman padinya seluas 1.2 hektar mengalami penyusutan pengeluaran hasil daripada sembilan tan metrik kepada hanya enam tan metrik pada musim ini.

"Dah tentu keadaan ini memberi tekanan kepada pesawah dan kita harap ada jalan penyelesaian mengatasinya," katanya.


Bagaimanapun seorang pesawah di Parit 2 Timur, Roslan Hashim, 52, berkata, tanaman padinya tidak terjejas teruk.

Katanya, wabak itu dikatakan menyerang di blok pengairan sebelah dalam berbanding di kawasaninya.

"Kawasan Parit 2 kurang terjejas jika hendak dibandingkan dengan kawasan tanaman padi di Parit 6 dan Parit 7," katanya.

Sinar Harian pada 23 Disember lalu melaporkan, kira-kira 360 hektar ladang benih padi di kawasan pengairan Sungai Leman di sini, dikhawatiri terjejas berikutan serangan BPB pada musim tuaian kali ini.

Peserta ladang benih padi mendakwa, hasil siasatan Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian mengesahkan wabak BPB menyerang ladang benih berkenaan.



BPB ini menyebabkan daun dan tangkai pokok padi rosak, terdapat kesan warna bintik perang dan buah padi terencat. Saya hanya memperoleh purata pengeluaran hasil enam tan metrik" - Johari



Hasil pengeluaran padi merosot teruk.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	THE STAR	NATION	12

Wong: Look into AP for vegetables

CAMERON HIGHLANDS: Independent candidate Wong Seng Yee wants the federal government to review the approved permit (AP) for vegetables to balance the supply in the country.

He said farmers have been complaining that the present system has resulted in more imported vegetables in the market than the local produce.

“Cabbage from our farms, for instance, is priced at about 50 sen per kg but vegetables from China are cheaper.

“If the price (local cabbage) is not RM1 or above, farmers will suffer.

“The Agriculture and Agro-based Industry Ministry needs to tweak the AP to stabilise prices,” he said yesterday.

Wong added that prices of vegetables were on the low side last year but had picked up since November.

“This is due to the upcoming Chinese New Year celebrations but the revenue from these three months will be used to bear the cost for the remaining year.

“The country needs a good system to control the prices of vegetables,” he said.

Wong said he had created an app “Tanahmu”, which was similar to online shopping platform Lazada, where farmers can sell their produce directly to end users.

“With the app, we can also track the buying trend behaviour.

“This type of data is important as it can promote sustainable farming based on supply and demand,” he said.

Headline	Abuse of permits for import resulted in over supply of cabbages		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	24 Jan 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A10	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,069
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,207



滥用入口准证 包菜供过于求

金马仑高原23日讯 | 金马仑高原国席补选独立候选人黄承毅怀疑有人滥用包菜入口准证，以致市面上包菜供过于求，拉低本地包菜价格，令农民面对亏损。

他发现近来有太多包菜从中国进口大马，据其了解，这是滥用入口准证所致，他呼吁农业部调查，确保入口准证没被滥用，以保障农民利益。

黄承毅周三在丹那拉打召开记者会，针对本地包菜价格下滑一事，如是指出。

他称，为了解决蔬菜供应过剩问题，农民在2017年起已通过名为「Tanahku」的手机应用程序，即一个收集农民及消费者的交易平台，根据交易资讯来决定在哪个季节耕种高需

求的蔬菜，确保永续经营。

他表示，在过去8个月，国内的蔬菜处于很低的价钱，只有在11、12及1月菜价稍微好转，农民就只靠这3个月的月份，维持整年的营运成本。

「例如，本地包菜的农场价介于每公斤50至80仙，然而农民必须卖到每公斤1令吉20仙才可有盈利，还扣除每个箱子2令吉50仙的成本。」

他说，在听取农民的心声，他认为通过良好及规划的市场行销策略，包括善用上述手机应用程序，依市场需求进行耕种克服问题。

此外，他呼吁农民向农业部申请「良好农业规范」(MyGAP)认证，以确保蔬菜的品质及减少对环境的污染。

C
N
V
K

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	KOSMO	NEGARA	15

Nelayan tangkap gamat ditahan

KEMAMAN - Maritim Malaysia (APMM) berjaya menahan dua bot nelayan Vietnam yang disyaki mencero boh perairan negara kelmarin untuk menangkap gamat secara haram.

Kapal Maritim Bagahak yang sedang membuat rondaan di perairan terbabit telah terserempak dengan kedua-dua bot nelayan asing itu pada pukul 12.20 tengah hari.

Pengarah APMM Kemaman, Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, kedua-dua bot nelayan Vietnam itu ditahan pasukan penguat kuasa APMM pada kedudukan kira-kira 50 batu nautika dari perairan Kuala Kemaman.

"Kesemua 13 nelayan termasuk dua tekong warga Vietnam yang berusia dalam lingkungan 25 hingga 48 tahun berjaya ditahan.

"Sebanyak 50 kilogram gamat yang dipercayai ditangkap secara haram di perairan negara ini turut dirampas," katanya pada sidang akhbar di Markas Maritim Kemaman di Kuala Kemaman di sini semalam.

Rashidilhadi berkata, pemeriksaan mendapati kesemua suspek tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah selain tidak memiliki permit daripada Jabatan Perikanan untuk menangkap hasil laut di perairan negara.

Menurut beliau, siasatan awal mendapati kumpulan nelayan Vietnam itu menyasarkan gamat sedangkan penangkapan spesies hidupan laut itu di perairan Terengganu telah dilarang pihak berkuasa.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	10

10

setempat

24-01-2019

"Jika benar buah limau itu mengandungi bahan beracun, mengapa kerajaan tidak menyekat kemasukannya ke dalam negara?"
Kalarisasi



HARIAN METRO

Putar cerita lama

Video buah beracun tiga tahun lalu kembali tular

Mohamad Hussin dan Redzuan Muharam
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Setiap kali menjelang sambutan Tahun Baharu Cina, pasti tular video limau mandarin dan beberapa buah lain yang dibawa masuk ke negara ini kononnya diredam di dalam bahan beracun bagi mengekalkan kemanisannya.

Menurut peniaga, penularan video berkenaan berlarutan sejak tiga tahun lalu.

"Sebagai peniaga, saya tidak terkesan sebaliknya sudah lali dengannya," kata peniaga buah-buahan di Pasar Besar Awam Taman Tun Dr Ismail (TTDI), Kalarisasi Rajao, 35.

Kalarisasi berkata, memang ada pelanggan yang bertanya mengenai kesahihan dakwaan video berkenaan lebih-lebih lagi selepas menonton video berkenaan yang ditularkan semula di laman sosial.

Namun, Kalarisasi berkata, kebanyakannya sekadar bertanya dan belum ada mana-mana pelanggan tampil membuat aduan mengalami keracunan makanan selepas



KALAIARASI menyusun limau mandarin yang dijualnya.

makanan buah-buahan yang dijualnya.

"Bagi saya, ini cerita lama yang ditularkan semula kerana sambutan Tahun Baharu

Cina semakin dekat, itu saja. "Jika benar buah limau itu mengandungi bahan beracun, mengapa kerajaan tidak menyekat kemasukannya ke

dalam negara?"

"Malah, sepanjang menjadi peniaga buah-buahan, saya tidak menerima sebarang aduan daripada pelanggan membabitkan kes keracunan makanan.

"Jadi, sukar dipastikan mengenai perkara itu dan belum tentu buah yang dibawa dari negara dimaksudkan dalam video berkenaan benar-benar terjamin kualitinya," katanya ketika ditemui Harian Metro semalam.

Peniaga dikenali Shafiee, 40, berkata, dia maklum mengenai perkara itu dan apa yang dilakukannya adalah memastikan buah-buahan yang dijual segar untuk dinikmati pelanggan.

"Saya ada bertanya sendiri mengenai perkara ini dan mereka juga tidak pasti daripada mana datangnya cerita itu.

"Walaupun ada video yang tular mengenai dakwaan itu, ia tidak cukup kuat untuk mengatakan dakwaan itu benar-benar sah.

"Jadi, sebagai peniaga, saya berharap kerajaan dapat membantu dengan menyekat kemasukan buah-buahan sekiranya didapati tidak selamat dimakan kerana ia akan memberi kesan kepada pengguna," katanya.

Beri rawatan sesuai elak buah cepat rosak

Kuala Lumpur: Proses pengendalian lepas tuai buah-buahan terutama limau diberikan rawatan mengikut kesesuaian bagi mengelak buah berkenaan rosak.

Pegawai Penyelidik Kanan, Makmal Pestisid Pusat Penyelidikan Tanaman dan Sains Tanah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Khairatul Azmah Mohamed berkata, selain rawatan fizikal, rawatan kimia juga digunakan dalam proses pengendalian lepas tuai.

Katanya, rawatan ini bertujuan untuk memanjangkan jangka hayat komoditi dengan mengawal jangkitan kulat dan penyakit, mengawal pengurangan air dalam buah dan seterusnya memanjangkan tempoh buah dari rosak.

"Rawatan kimia bertujuan mengawal pertumbuhan kulat dan mikroorganisma yang boleh membuatkan buah cepat rosak.

"Klorin, sulfur dioksida dan sodium ortho-phényl-phénate (SOPP) adalah sebatian kimia yang sering digunakan dan teknik rawatan adalah secara semburan dan rendam dalam larutan.

"Bagaimanapun, kepekatan sebatian kimia itu mesti dalam julat yang disyorkan kerana kepekatan yang tinggi boleh menyebabkan bahan kimia berkenaan hadir lama dalam buah (hadir sebagai residu pada buah) dan seterusnya re-

sidu yang berlebihan dan tinggi ini boleh memberi risiko kepada kesihatan pengguna," katanya.

Khairatul Azmah berkata, had maksimum residu (MRL) adalah tahap maksimum kuantiti/kadar/kekuatan atau kepekatan yang dibenarkan bagi sesuatu racun perosak dalam makanan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

"Terdapat perbezaan MRL racun perosak antara negara dan perbezaan ini disebabkan senarai racun perosak yang berdaftar di negara pengguna, kaedah Amalan Pertanian Baik dan tabiat pemakanan populasi di sesebuah negara.

"MRL yang dibangunkan negara dikenali sebagai MRL kebangsaan, manakala yang ditetapkan sesuatu rantau dan luar negara dikenali sebagai MRL antarabangsa.

"MRL antarabangsa yang sah diguna pakai secara dunia adalah Codex mengenai residu racun perosak (CCPR) Pertubuhan Makanan dan Pertanian, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)," katanya.

Menurutnya, tujuan MRL ditetapkan untuk memberikan satu aras yang selamat kepada pengguna dan juga untuk memudahkan komoditi eksport sesuatu negara diterima masuk oleh negara pengimport.

Prosedur ketat sebelum beri izin masuk

Kuala Lumpur: "Kita ada prosedur ketat dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Kita syak video yang tular itu diulang tayang semula setiap kali menjelang musim perayaan Tahun Baharu Cina.

"Bukan setakat buah limau mandarin yang dibawa masuk ke negara ini, malah semua jenis barangan dan makanan kita periksa," kata Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Saiful Yazan Alwi.

Beliau berkata, pengimportan komoditi buah limau termasuk Mandarin, Tangerine Orange, Satsuma Orange dan Orange adalah tertakluk kepada syarat import yang ditetapkan dalam permit, lesen atau perakuan.

Menurutnya, MAQIS menjalankan pemeriksaan dokumen import dan fizikal ke atas konsainan buah-bua-

han berkenaan yang diimport ke dalam negara.

"Dari segi pemeriksaan fizikal, konsainan berkenaan perlu mematuhi aspek *Sanitary and Phytosanitary* (SPS), bebas daripada tanda penyakit atau perosak serta memenuhi standard siji 3P (Peraturan Pengedaran, Pembungkusan dan Pelabelan) yang ditetapkan.

"Pihak MAQIS tidak akan membenarkan konsainan ini diimport ke dalam negara sekiranya berlaku ketidakpatuhan kriteria yang dinyatakan.

"Tindakan dikenakan ke atas ketidakpatuhan import ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas

sebuah video yang tular menunjukkan pekerja dipercayai di China merendamkan limau ke dalam baldi yang dipercayal mengandungi bahan beracun untuk mengekalkan kesegaran dan kemanisannya.

Saiful Yazan berkata, antara negara pengimport utama komoditi buah limau berkenaan ialah China, Mesir, Afrika Selatan, Australia dan Amerika Syarikat.

"Pengimport perlu mematuhi syarat yang ditetapkan pada dokumen import seperti permit import yang dikeluarkan MAQIS, Sijil Fitosanitasi (PC) yang dikeluarkan negara pengeksport dan Sijil 3P oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Selain itu, mereka juga perlu mengemukakan dokumen import sokongan seperti borang kastam K1, nombor bil laluan udara (AWB), Rang Undang-Undang Muatan (BL), sijil asal (COO), invoice dan senarai pembungkusan," katanya.

Katanya, MAQIS komited untuk memalinkan peranan memastikan konsainan produk agromakanan yang diimport mematuhi standard yang ditetapkan di peringkat negara dan antarabangsa.

“Pihak MAQIS tidak akan membenarkan konsainan ini diimport ke dalam negara sekiranya berlaku ketidakpatuhan kriteria yang dinyatakan”

Saiful Yazan



»INFO

Hasil kajian menunjukkan pertumbuhan kulat boleh dicegah dan dikurangkan:

- Menjaga kebersihan buah
- Mengelakkan kelembapan yang tinggi di permukaan kulit buah
- Melakukan rawatan haba panas
- Merawat dengan salutan permukaan menggunakan bahan semula jadi yang mempunyai bahan aktif antikulat
- Penyimpanan pada suhu yang sesuai
- Merawat dengan salutan permukaan menggunakan bahan semula jadi yang mempunyai bahan aktif antikulat

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10



AGIL OMAR

Nelayan tuntut bantuan sara hidup

MARANG 23 Jan. - Golongan nelayan meminta kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak lagi berdolak-dalik dengan memberi pelbagai alasan berkaitan bantuan sara hidup kepada mereka.

Rata-rata nelayan yang ditemui berharap supaya bantuan tersebut diteruskan tanpa bermotifkan politik bagi membantu golongan yang benar-benar memerlukan termasuk mereka.

Malah mereka meminta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub lebih kerap turun padang untuk bertemu dan menvelesaikan setian

Petani tempatan ditekan

Oleh SHARILFUDDIN SAARI
pengarang@utusan.com.myt

■ ALOR SETAR 23 JAN.

GOLONGAN petani mampu keluar daripada kelompok golongan berpendapatan rendah (B40) sekiranya dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan adil terhadap mereka dengan mengawal kemasukan produk pertanian yang diimport.

Campur tangan kerajaan terhadap isu lambakan cili import dari Vietnam, Thailand dan China baru-baru ini yang dijual murah berkali-kali ganda sehingga menjejaskan petani, adalah antara contoh bagaimana dasar kerajaan itu boleh membantu golongan berkenaan.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Kedah (PPNK), Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman berkata, peraturan penggunaan racun yang ketat terhadap petani tempatan tetapi sebaliknya kepada produk import adalah contoh ketidakadilan yang



ABDUL LATEH MOHD. SAMAN

menjejaskan persaingan.

Menurut beliau, sebahagian besar produk pertanian yang diimport seperti buah-buahan dan sayur-sayuran menggunakan racun kuat daripada kelas A, berbanding petani tempatan yang diwajibkan hanya menggunakan racun yang terkawal dan selamat.

"Maka sebab itulah produk (buah-buahan dan sayur-sayuran) dihasilkan petani tempatan adalah kelihatan kurang berkualiti dan terpaksa dijual mahal.

Taraf hidup petani, nelayan tidak berubah

• Taraf hidup petani, pesawah, nelayan dan penternak tak berubah walaupun banyak subsidi, bantuan diberikan.

• Menteri Pertanian dan Industri Datuk Salahuddin Ayub masih belum belajar disebabkan hal

KERATAN
Utusan Malaysia
semalam.

"Produk daripada luar negara pula lebih cantik, nampak berkualiti dan boleh dijual murah tetapi berisiko daripada sudut kesihatan. Walau bagaimanapun produk ini (import) masih menjadi pilihan pengguna," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dalam laporan akhbar hari ini yang mengukuhkan golongan petani, pesawah, nelayan dan penternak di negara

ini masih gagal mengeluarkan diri mereka daripada kumpulan ekonomi B40.

Menurut Abdul Lateh, kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya 'membuka' pintu kemasukan produk diimport apatah lagi terhadap mana-mana barangan makanan yang menggunakan kadar racun yang tinggi.

Katanya, pengawalan kemasukan produk pertanian ini boleh dipelajari dari negara jiran, Singapura yang sensitif terhadap produk makanan yang diimport.

Dalam pada itu, berhubung isu pesawah beliau memberitahu, hanya dengan mengkaji semula dan menaikkan harga beras mampu membantu golongan ini.

Katanya, selain itu kerajaan perlu memberi tambahan subsidi kepada pesawah bagi meringankan beban hidup mereka.

"Kerajaan pun sudah lama tidak menaikkan harga beras. Ramai tidak sedar, subsidi yang kerajaan beri sebenarnya untuk pengguna dan bukannya pesawah," jelas beliau lagi.

Ramai belum terima BMT

KUALA LUMPUR 23

Jan. - Masih ramai dalam kalangan pekebun kecil yang belum menerima bayaran pertama bantuan musim tengkujuh (BMT) berjumlah RM300 walaupun kerajaan memaklumkan akan membuat pembayaran pada akhir tahun lalu.

Presiden Pertubuhan Usahawan Getah Bumiputera Malaysia (PUGBM), Kamaruzaman Ab Rahman berkata, ada juga dalam kalangan pekebun getah yang tiada dalam senarai penerima BMT walaupun sebelum ini mereka pernah menerima bantuan tersebut yang diuruskan oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM).

"BMT pada kali ini akan diuruskan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)," katanya ketika dihubungi hari ini.

Menanggung keperitan tidak berpenghujung

JERANTUT 23 Jan. - Golongan petani, peneroka, nelayan dan penternak mengakui taraf kehidupan mereka tidak berubah selagi kerajaan hari ini tidak buat sesuatu untuk menaikkan harga komoditi utama selain menurunkan harga barang.

Kebanyakan mereka yang ditemui *Utusan Malaysia* meluahkan perasaan kecewa kerana belum menerima bantuan musim tengkujuh termasuk imbuhan lain seperti yang diuar-uarakan oleh kerajaan.

Golongan berkenaan juga menyifatkan sekiranya bantuan diperolehi tidak menjamin kesejahteraan mereka untuk menguruskan perbelanjaan harian ekoran pendapatan hasil komoditi masih di paras rendah dan berdepan pula dengan kenaikan harga barang.

Setiausaha Persatuan Pekebun Kecil negeri, **Anuar Muhammad Mustaqim**, 56, berkata, bantuan yang diterima golongan petani, nelayan, peneroka dan pengusaha kecil bukan jaminan mengubah kehidupan mereka.

"Mana-mana golongan berkenaan yang memperoleh bantuan masih terhimpit untuk menguruskan perbelanjaan harian khususnya ketika pada awal musim persekolahan yang masih belum



ADENAN NIPAH



KHAIRY ABDULLAH



ANUAR MUHAMMAD MUSTAQIM

sempurna malah tidak mencukupi langsung," katanya di sini hari ini.

Dalam pada itu, seorang penoreh getah di Felda Kota Gelanggi di sini, **Khairy Abdullah**, 41, berkata, kesempatan hidup dialaminya semakin memprihatinkan sejak harga getah jatuh selain tidak menerima apa-apa bantuan ketika berdepan musim tengkujuh.

"Sepatutnya kerajaan juga bertimbang rasa membantu penoreh seperti saya kerana tetap tergolong dalam kumpulan B40," katanya.

Nelayan Sungai Tembeling, **Adenan Nipah**, 66, pula berkata, walaupun menerima bantuan bulanan menerima bantuan masih tidak mengubah pendapatan harian kerana faktor cuaca, kekurangan hasil ikan

air tawar dan kenaikan harga barang di samping peralatan enjin bot dan bahan api yang tinggi.

"Bantuan diterima hanya bersifat sementara. Walaupun kita bersyukur dengan nilai yang diterima, misalnya RM200, tetapi sekeja sahaja habis dibelanjakan untuk keperluan dapur dan keluarga," ujarnya.

Sementara itu, peneroka Felda Kota Gelanggi 4, **Ab. Karim Ahmad**, 68, berkata, kehidupannya cukup perit sejak enam bulan lalu berikutan kejatuhan harga kelapa sawit dan getah sehingga menjejaskan keperluan kebajikan keluarga.

"Saya tidak menerima apa-apa bantuan kerajaan. Saya jual rotibakari pada sebelah petang untuk menampung pendapatan," katanya.

Kehidupan tidak berubah, kos pertanian meningkat

ARAU 23 Jan. - Kerajaan Pakatan Harapan perlu mencari jalan bagaimana membantu mengubah taraf hidup golongan petani yang didapati masih berada dalam paras kemiskinan.

Beliau Pengerusi Pertubuhan Peladang kawasan Simpang Empat, **Arof Saad** berkata, dalam masa sama, kerajaan juga perlu mengekalkan atau m e n i n g k a t k a n pemberian subsidi kepada golongan ini khususnya apabila mereka perlu mengeluarkan perbelanjaan tinggi membeli input pertanian dan menyewa jentera.

Katanya, meskipun kehidupan petani didapati tidak banyak berubah namun ketika zaman kerajaan dahulu mereka menikmati lebih banyak inisiatif serta bantuan berbanding sekarang dan ia sepatutnya diberikan perhatian oleh pemerintah pada hari ini.

"Kerajaan perlu memainkan peranan lebih efektif bagi

membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Selain itu, pemberian subsidi juga perlu dipertingkatkan kepada golongan ini.

"Kos input pertanian dan jentera ketika proses mengambil padi bukanlah murah dan saya cadang perkara itu juga perlu diberikan perhatian. Mungkin boleh cari mekanisme untuk meringankan kos para petani ini ketika menyewa jentera berkenaan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Sementara itu, seorang pesawah, **Zamzuri Ishak** berkata, taraf kehidupan para petani sememangnya tidak nampak banyak perubahan sebaliknya harga barangan input pertanian yang semakin membebankan kelompok itu.

Katanya, sejak akhir-akhir ini, kos input pertanian seperti racun dan baja semakin mahal dan perkara itu perlu diberikan perhatian serius.



AROF SAAD



ZAMZURI ISHAK

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2019	THE STAR	EVENTS	12



Hard work

The harvest season has started for these padi farmers at Long Langai, Ba'Kelalan, Sarawak. They spend days sweating it out under the sun to bring food to thousands of Malaysians. — ANSOVINA CHAI/The Star



In a hot spot: Ng (with spectacles and white T-shirt) with farmers in Kampung Baru Kuala Bikam after holding the press conference.

Farmers living in uncertainty

They are left in the lurch with their 76.9ha farmland targeted for sand mining

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

BIDOR: Farmers in Kampung Baru Kuala Bikam should stay put unless the state authorities come with a court order and notice from the Land Office to evict, said MCA civil society movement bureau chief Ng Kian Nam.

In August last year, some 60 farmers were told to vacate a 76.9ha land owned by Menti Besar Incorporated (MB Inc) – a Perak state-linked company to make way for another company to carry out sand mining.

The sand mining company – Pengurusan Pasir Perak Sdn Bhd – issued the eviction notice on Aug 2 and a tractor was brought into the village.

According to Ng, who met the farmers on Tuesday, about 10% of the land involved had been cleared.

Ng said the farmers were still worried that the remaining farmland would be bulldozed.

“From our checks, Pengurusan Pasir Perak Sdn Bhd is owned by Amanjaya Holdings & Venture Sdn Bhd, which is the state MB Inc subsidiary,” he said.

He added the farmers had been farming on the land without a lease for over 40 years, with some up to three generations.

“A few of the farmers claimed that they applied for Temporary Occupational Licences

“The Perak government should let the farmland remain as agricultural land to let the farmers continue to earn their livelihood.”

Ng Kian Nam

(TOL) in 1998 but their applications were not approved.

“The Perak government should let the farmland remain as agricultural land to let the farmers continue to earn their livelihood.”

“Many families in the village will be affected if the farmlands are taken away for sand mining,” he said.

Together with Ng at the meeting with the farmers were Perak MCA Public Services and Complaints Bureau chief Low Guo Nan.

Watch the video
thestartv.com

